



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN

2013

ANNUAL REPORT

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN
BELIA MALAYSIA
MALAYSIAN INSTITUTE FOR RESEARCH IN YOUTH DEVELOPMENT

LAPORAN TAHUNAN IYRES 2013/ 2013 IYRES ANNUAL REPORT

© Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBm) 2014

© Malaysian Institute For Research In Youth Development

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, jadual dan isi kandungan lain buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pegawai Eksekutif IPPBM, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh IPPBM.

All rights reserved. No part of the articles, illustrations, tables and other contents of this book may be reproduced in any form or by any means, electronic, photocopying, mechanical, recording or otherwise without the prior permission of the Chief Executive Officer of IYRES, subject to the terms and conditions set by IYRES.

Diterbitkan oleh:

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
Aras 10, Menara KBS, No.27 Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, Malaysia
Tel : +603-8871 3705
Faks : 603-8871 3342
E-mel : info@ippbm.gov.my
Laman web : www.ippbm.gov.my

Cetakan dan rekabentuk oleh:

Giga Wise Network Sdn Bhd
No. 74, Jalan Kapar 27/89,
Megah Industrial Park,
Seksyen 27, 40400 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-5191 1115 Fax: 03-5191 1004
Email: gigawisenet@yahoo.com
Website: www.gigaprint2u.com

Isi Kandungan

Table of Content

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	4
Profil Korporat	7

PENGURUSAN

Carta Organisasi	12
Lembaga Pengarah	14
Aktiviti ALP 2013	15
Warga IYRES	22
Fungsi Pengurusan	27

PENYELIDIKAN

Penyelidikan	32
--------------	----

PROGRAM & SOKONGAN KORPORAT

Program	38
Pengurusan Data	49
Penerbitan	50
Pengurusan Maklumat	53
Laporan Kewangan	66
IPPBM @ Akhbar	76



Perutusan KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

CHIEF EXECUTIVE OFFICER MESSAGE

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana mempermudahkan perjuangan IYRES (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia) sepanjang tahun 2013 dalam usaha mencapai hala tuju untuk memantapkan lagi penyelidikan dalam dunia pembangunan belia.

Pemantapan perkhidmatan IYRES telah dipertingkatkan menerusi pengwujudan Pelan Strategik IYRES 2013 – 2015. Pelan strategik ini merupakan satu dokumen yang memaparkan perubahan yang bakal ditempuhi oleh IYRES sepanjang tempoh tersebut untuk mencapai hala tuju yang lebih holistik dan komprehensif. Dokumen yang berorientasikan masa depan ini akan memberi gambaran kejayaan perubahan IYRES untuk 2 tahun akan datang. IYRES bersama-sama ahli pemikir (Think tank) telah menggembeleng tenaga dan idea dalam membina satu kerangka untuk mencapai kelebihan yang kompetitif melalui penganalisaan organisasi, persekitaran dalaman dan luaran dan juga potensi yang wujud dalam IYRES. Justeru itu, menerusi tindak balas terhadap trend, peristiwa dan peluang yang baru timbul dalam kerangka kerja. IYRES telah membentuk satu visi yang baru iaitu **menjadi institusi penyelidikan dan pusat rujukan ternama mengenai belia** dan misi **menghasilkan dapatan penyelidikan sebagai asas menjana pembangunan belia**. Seterusnya, peranan tersebut telah menggerakkan pelbagai transformasi dalam gerak kerja termasuklah memperkenalkan nama popular IPPBM kepada IYRES. Di samping itu, IYRES sentiasa mencuba untuk melebarkan sayap pengurusan di masa akan datang dengan membawa cadangan tersebut dalam Pelan Strategik 2013 – 2015 ini.

Sepanjang tahun 2013, IYRES telah berjaya mengekalkan kredibiliti dalam tugas dengan efisien dengan berpanduan kepada 27 prosedur dokumen yang terkandung dalam Sistem Pengurusan Kualiti untuk perolehan MS ISO 9001:2008. Pensijilan tersebut merangkumi penyelidikan dalam bidang pembangunan belia, bantuan dan sokongan penyelidikan serta penyebaran maklumat dan pendidikan. Bagi tujuan tersebut, IYRES telah mengadakan Audit Kualiti Dalaman sebagai menepati pematuan penarafan Audit Kualiti Dalaman oleh pihak Sirim. Ia disusuli dengan mengadakan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan yang merupakan platform melaporkan hasil Audit Kualiti Dalaman serta melihat penambahbaikan berterusan bagi memelihara kualiti peranan organisasi IYRES.

Bermula 2013, teras fungsi di IYRES iaitu penyelidikan telah diberi transformasi dengan pembahagian kategori penyelidikan iaitu Penyelidikan Asas (*Fundamental Research*), Penyelidikan Penilaian dan Tindakan (*Applied and*

Alhamdulillah, thanks to the Almighty for facilitating the struggle of IYRES (Institute for Youth Research) throughout 2013 in order to head in the direction to further strengthen research in the world of youth development.

IYRES' services have been enhanced through the formulation of the 2013-2015 IYRES Strategic Plan which showcases the changes that will be undertaken by IYRES during this period towards a more holistic and comprehensive future direction. This forward-oriented document will reflect the successful transformation of IYRES in the next two years. IYRES, together with the thinkers (Think Tank) has mobilised energy and ideas to build a framework to gain competitive advantage through analysis of the organisation, internal and external environments and the potential that exists in IYRES. Thus, by responding to trends, events and new opportunities emerging in the framework, IYRES has developed a new vision to become a leading research institution and reference centre on the youth and a mission to produce research findings as the basis for generating youth development. Subsequently, this has mobilised various work transformations, including the introduction of a popular name, IYRES, as replacement. In addition, IYRES is always trying to expand its wings in its future management by including new proposals in the 2013 - 2015 Strategic Plan.

Throughout 2013, IYRES managed to maintain its credibility in efficiently executing its tasks according to the 27 procedures contained in the Quality Management System for acquisition of MS ISO 9001:2008. This certification includes research in the field of youth development, research assistance and support and dissemination of information and education. For this purpose, IYRES conducted the internal quality audit in compliance with the internal quality audit rating by SIRIM. It was followed by the Management Review Meeting, a platform to report the internal audit results and study continuous improvements to preserve the quality of role of IYRES.

From 2013, the core function of research in IYRES was transformed by categorising research under fundamental research, applied and action research and exploratory research. According to the 2013 - 2015 Strategic Plan, IYRES is expected to carry out



Action Research) dan Penyelidikan Tinjauan (*Exploratory Research*). Mengikut perancangan Pelan Strategik IYRES 2013 – 2015, IYRES telah mensasarkan akan melaksanakan sebanyak 6 Penyelidikan Asas, 30 Penyelidikan Penilaian dan Tindakan serta 6 Penyelidikan Tinjauan. Bagi tahun ini, IYRES telah berjaya melaksanakan 3 Penyelidikan Asas, 11 Penyelidikan Penilaian dan Tindakan dan 10 Penyelidikan Tinjauan. Justeru, baki penyelidikan akan dilaksanakan pada tahun 2014 - 2015.

IYRES juga telah dipertanggungjawabkan oleh YB Menteri Belia dan Sukan untuk mengadakan program intelektual. Program tersebut merupakan platform interaktif perkongsian hasil dapatan penyelidikan dan data yang berkaitan isu semasa dalam kalangan pemegang taruh yang terlibat dengan agenda pembangunan belia. Malah pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta IYRES juga dapat mendengar suara belia berkenaan isu semasa yang dibawa dalam program tersebut bagi melihat kesesuaian perancangan agenda pembangunan belia pada masa akan datang. Secara tidak langsung, menerusi program tersebut dapat melatih golongan untuk memiliki pemikiran yang intelektual dalam berfikir dan membahaskan sesuatu isu.

IYRES telah mengorak langkah dalam usaha memartabatkan kecemerlangan penyampaian hasil penyelidikan menerusi penerbitan. Kini IYRES mempunyai dokumen rujukan iaitu Panduan Penerbitan Buku, yang mana digunakan untuk mana-mana penerbitan buku. Dokumen ini disediakan dengan tujuan untuk membantu Jawatankuasa Penerbitan IYRES menjalankan fungsi dan tanggungjawabnya dengan berkesan dan cekap dalam membangun dan memartabatkan bidang penerbitan di IYRES. Ia juga sebagai panduan yang jelas kepada pihak yang berminat untuk menerbitkan hasil karya bersama IYRES. Di samping itu, Garis panduan Penetapan Harga Buku Terbitan IYRES juga telah berjaya dibentuk sebagai panduan kepada Jawatankuasa Penerbitan IYRES untuk membuat penetapan harga buku yang dijual berdasarkan kepada prinsip-prinsip utama dan elemen-elemen yang telah ditetapkan. Bermula bulan November 2013, IYRES telah mula menjual buku-buku seperti Indeks Belia Malaysia, Fakta Belia Malaysia, Statistik Belia Malaysia: Data Semasa 2012, Pemetaan Belia Malaysia dan *Malaysian Journal of Youth Studies Vol 1-9*. Alhamdulillah, jualan buku-buku tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari pembeli yang terdiri dari ahli akademik, pegawai kerajaan, badan NGO serta pelajar.

Buat pertama kalinya IYRES telah mendekati belia melalui program yang santai menerusi Hub Penyelidikan Belia (*Youth Research Hub*) yang telah dibentuk dalam Festival Belia Putrajaya 2013. Dalam hub tersebut, IYRES telah mengambil kesempatan dengan membuat hubungan interaktif bersama belia bagi tujuan untuk menyebarkan hasil-hasil kajian dan produk penyelidikan dalam kaedah yang menarik. Antara program yang diadakan dalam hub tersebut ialah 'Workstation', 'E-Belia Station', 'Display Area', 'Author Corner', 'Segmen 4D Stop Over by YBM Encik Khairy Jamaluddin', 'Interactive Mini Exhibition', 'Answer and

six fundamental researches, 30 applied and action researches and six exploratory researches. This year, IYRES successfully carried out three fundamental researches, 11 applied and action researches and 10 exploratory researches. The remainder of the researches will be performed in 2014-2015.

IYRES has also been given the responsibility by the Minister of Youth and Sports to conduct an intellectual programme. This programme is an interactive platform for the sharing of research findings and data related to current issues among stakeholders involved in the youth development agenda. In fact, the Ministry of Youth and Sports and IYRES can listen to the voice of the youth on current issues raised during the programme to assess the relevance of the agenda planned for youth development in the future. Indirectly, this programme can train the youth to think about and debate intelligently on issues.

IYRES has taken steps to enhance the delivery of research findings through publications. It currently has a Book Publication Guide as reference for the publication of any book. This document has been prepared for the purpose of assisting the Publications Committee of IYRES to execute its functions and responsibilities effectively and efficiently in developing and enhancing IYRES publications. It is also a clear guide to interested parties to co-publish their work with IYRES. In addition, the Pricing Guideline for IYRES Publications has been successfully developed to guide the IYRES Publications Committee in pricing its books sold based on the specified key principles and elements. As of November 2013, IYRES has started selling books such as the Indeks Belia Malaysia (Malaysian Youth Index), Fakta Belia Malaysia (Fact about the Malaysian Youth), Statistik Belia Malaysia: Data Semasa 2012 (Malaysian Youth Statistics: 2012 Current Data), Pemetaan Belia Malaysia (Mapping of the Malaysian Youth) and Malaysian Journal of Youth Studies Vol. 1-9. Alhamdulillah, these books have been well received by buyers ranging from academics, government officials, NGOs and students.

For the first time, IYRES reached out to the youth through recreational programmes of its Youth Research Hub which was established during the 2013 Putrajaya Youth Festival. In this Hub, IYRES took the opportunity to interact with the youth to disseminate study and research findings in an interesting manner. The programmes held at the hub included 'Workstation', 'E-Youth Station', 'Display Area', 'Author's Corner', '4D Stop Over Segment by Mr Khairy Jamaluddin', 'Mini Interactive Exhibition', 'Answer and Win' and 'Chill Zone'. This one-stop centre programme managed to attract 3,000 visitors. A

“Sepanjang tahun 2013, IYRES telah berjaya mengekalkan kredibiliti dalam tugas dengan efisien dengan berpanduan kepada 27 prosedur dokumen yang terkandung dalam Sistem Pengurusan Kualiti untuk perolehan MS ISO 9001:2008.”

“Throughout 2013, IYRES managed to maintain its credibility in efficiently executing its tasks according to the 27 procedures contained in the Quality Management System for acquisition of MS ISO 9001:2008.”

Win' dan 'Chill Zone', Program *one stop centre* ini telah dapat menarik seramai 3000 orang pengunjung. Seramai 200 orang sukarelawan telah terlibat sebagai enumerator bagi membantu menjayakan hub ini. Penilaian pengunjung terhadap hub ini rata-rata memuaskan dan mereka berpuas hati dengan aktiviti yang telah dijalankan oleh IYRES. Di samping itu, *Youth Research Hub* telah berjaya menanamkan sikap kepimpinan dan pengetahuan penyelidikan dalam setiap sukarelawan/enumerator yang dilantik. Segmen atau workstation E-Belia telah dapat menarik ribuan pengunjung untuk mendaftar E-Belia yang membantu mereka untuk berhubung secara dua hala dengan pihak KBS dan IYRES.

Pada 6 November 2013, Sistem E-Belia yang terpilih untuk dimasukkan dalam projek *Single Sign-On* (SSO) Fasa 1 telah beroperasi secara langsungnya di portal *myGovernment*. Sebanyak 10 agensi/jabatan Kerajaan yang terlibat bersama dalam Fasa 1 ini bersama-sama dengan KBS. Oleh itu, IYRES dapat memperluaskan tahap penggunaan Sistem E-Belia iaitu bagi mana-mana pengguna yang belum pernah mendaftar atau sudah mendaftar secara tidak langsung boleh membuat capaian ke dalam Sistem E-Belia menerusi portal tersebut. Di samping itu, ia dapat membantu meningkatkan perolehan data E-Belia dari semasa ke semasa.

Sebahagian besar aktiviti yang dirancang telah berjaya dilaksanakan dan dapat menyumbang kepada pembangunan belia Malaysia. Kejayaan yang dikecapi tahun ini adalah hasil kerjasama IYRES bersama Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Pemikir IYRES (*Think Tank*), kementerian terutamanya KBS, agensi, Badan NGO dan golongan belia itu sendiri. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam memartabatkan dunia pembangunan belia Malaysia.

Penghargaan tidak terhingga atas pengembelengan usaha yang jitu dari warga IYRES yang telah memperluaskan jalinan kerjasama IYRES di persada nasional dan semakin dikenali dari nama dan aspek fungsi organisasi ini oleh pelbagai pihak di luar sana. Semoga usaha ini tidak terhenti di sini, malah perjuangan ini akan berterusan sehingga beroleh kejayaan yang lebih besar lagi.

Sekian.

Dr. Wasitah Hj. Mohd Yusof

Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
Kementerian Belia dan Sukan

total of 200 volunteers were involved as enumerators to ensure the success of the hub. Visitors mostly expressed their satisfaction with the activities carried out by IYRES. In addition, the Youth Research Hub successfully implanted leadership attitude and research knowledge in every volunteer/enumerator. The segment or E-Youth workstation attracted thousands of visitors to register in the E-Youth which enables bilateral communication with the Ministry of Youth and Sports and IYRES.

On 6 November 2013, the E-Youth System selected for inclusion in phase 1 of the Single Sign-on Project began operating directly in the *myGovernment* portal. Ten government agencies/departments participated in phase 1 together with the Ministry of Youth and Sports. As such, IYRES was able to expand the use of E-Youth, i.e., any user who had not already or who had already registered could indirectly access the E-Youth System through the portal. In addition, it could help increase E-Youth data acquisition from time to time.

Most of the planned activities were successfully implemented and contributed to the development of the youth in Malaysia. The success achieved this year is the result of the cooperation of IYRES with the Board of Directors, the Think Tank, ministries especially the Ministry of Youth and Sports, agencies, NGOs and the youth themselves. We thank all those involved in promoting the world of Malaysian youth development.

Our deepest appreciation for the combined efforts of IYRES personnel which have succeeded in extending the collaborative network of IYRES in the country and making IYRES increasingly recognised for its name and functions by various external parties. We hope, these efforts do not stop here, and the struggle continues to greater heights of excellence.

Dr. Wasitah Hj. Mohd Yusof

Chief Executive Officer
Malaysia Institute for Research in Youth Development
Ministry of Youth and Sports

The background is a light purple with diagonal lines. In the center, there are four black silhouettes of people in dynamic poses, surrounded by colorful paint splashes in green, orange, yellow, and blue. A large magnifying glass with a silver frame and handle is positioned in the foreground, its lens centered over the text. The text 'PROFIL KORPORAT' is in a large, bold, purple sans-serif font, and 'CORPORATE PROFILE' is in a smaller, black, italicized sans-serif font below it.

**PROFIL
KORPORAT**
CORPORATE PROFILE

Pengenalan

Introduction

Hala tuju dan perkhidmatan di IYRES sepanjang tahun 2013 menjadi semakin mantap selaras dengan terhasilnya dokumen Pelan Strategik IPPBM 2013 – 2015. Cabaran dalam memainkan peranan sebagai institusi penyelidikan dan pusat rujukan mengenai belia telah ditangani melalui pelbagai transformasi dalam gerak kerja termasuklah memperkenalkan nama popular IPPBM kepada IYRES (Institute for Youth Research).

The direction and services of IYRES throughout 2013 strengthened in line with the formulation of its 2013-2015 Strategic Plan. The challenges of playing the role as a research institution and reference centre on the youth were addressed through various activity transformations, including introducing a more appealing name from the institute: the Institute for Youth Research (IYRES).

Visi

Vision

Menjadi institusi penyelidikan dan pusat rujukan ternama mengenai belia.

To become a leading research institution and reference centre on the youth

Misi

Mission

Menghasilkan dapatan penyelidikan sebagai asas menjana pembangunan belia.

To produce research findings as the basis for generating youth development



Fungsi *Functions*

1	Bertindak sebagai pusat penyelidikan pembangunan belia kebangsaan;	<i>To serve as the national youth development research centre;</i>
2	Mengumpul, mengurus dan menyebarkan maklumat dan menyelenggarakan rekod semua perkara berkaitan yang berhubung dengan pembangunan belia;	<i>To collect, manage and disseminate information and maintain records of all matters relating to youth development;</i>
3	Menjalankan, memudahkan atau membiayai penyelidikan yang berkaitan dengan pembangunan belia;	<i>To conduct, facilitate or fund research related to youth development;</i>
4	Mengadakan perkhidmatan teknikal, nasihat, perundingan dan perkhidmatan yang berkaitan berkenaan dengan pembangunan belia;	<i>To provide technical, advisory, consultancy and related services with respect to the development of youth;</i>
5	Mewujudkan dan mengekalkan hubungan dan kerjasama dengan lain-lain institusi yang berkaitan di dalam dan luar Malaysia bagi tujuan mempertingkatkan pembangunan belia;	<i>To establish and maintain relations and cooperation with other relevant institutions within and outside Malaysia for the purpose of enhancing youth development;</i>
6	Menganalisis, menilai dan membuat syor mengenai aktiviti belia yang dianjurkan oleh pertubuhan belia, badan kerajaan, organisasi bukan kerajaan atau mana-mana organisasi sektor swasta yang lain;	<i>To analyse, evaluate and make recommendations on youth activities organised by youth societies, government bodies, non-governmental organisations or any other private sector organisations;</i>
7	Menjalankan program bercorak pendidikan dan kesedaran untuk menggalakkan pembangunan belia;	<i>To carry out educational and awareness programmes to promote youth development;</i>
8	Untuk bekerjasama, menyelaras dan menyertai dalam program atau aktiviti pembangunan belia yang berkaitan dengan penyelidikan yang dianjurkan oleh organisasi kebangsaan atau antarabangsa;	<i>To cooperate, coordinate and participate in youth development programmes or activities related to research conducted by national or international organisations;</i>
9	Untuk melakukan apa-apa perkara lain yang didapati patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsi dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.	<i>To carry out such other matters as deemed appropriate to enable the organisation to function effectively or which are incidental to the performance of its functions</i>

Falsafah Umum IYRES

General Philosophy IYRES

- Menerajui penyelidikan berteraskan pembangunan belia.
 - Menggembeng tenaga dan kepakaran bagi menghasilkan penyelidikan mengenai belia secara holistik.
 - Menyebarluaskan hasil penyelidikan kepada pemegang taruh.
- To lead research based on youth development
 - To mobilise energy and expertise to undertake holistic research on the youth
 - To disseminate research outcomes to stakeholders



PENGURUSAN
MANAGEMENT


Carta Korporat *Corporate Chart*

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia



Carta Organisasi

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia



Lembaga Pengarah

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

Board of Directors

Malaysia Institute For Research In
Youth Development

PENGERUSI Chairman

Tuan Hj. Adnan Abu Hassan

SETIAUSAHA Secretary

Dr. Wasitah Binti Hj. Mohd Yusof

AHLI Members

1. Puan Hj. Hatipah Binti Ibrahim
2. Dr Asma Abdullah
3. En. Muammar Gaddafi Jamaluddin
4. Cik Irma Nurzahrah Bt Junian
5. En. Elanjelian Venugopal
6. Prof. Madya Datuk Dr. Hj Sharifuddin Bin Haji Zainuddin
7. Prof Madya Dato' Dr Mohd Asri Zainul Abidin



Aktiviti Lembaga Pengarah

Board of Directors Activities

Seramai 9 orang Ahli Lembaga Pengarah IYRES telah dilantik oleh Menteri Belia dan Sukan, YB. Encik Khairy Jamaluddin pada tahun 2013. Lembaga Pengarah dipengerusikan oleh Tuan Hj. Adnan Abu Hassan. Manakala Setiausaha Lembaga Pengarah ialah Dr. Wasitah Hj. Mohd Yusof yang juga merangkap Ketua Pegawai Eksekutif IYRES. Berdasarkan kepada keperluan Akta 668, salah seorang anggota hendaklah terdiri daripada Ketua Pengarah, Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBSN) iaitu Pn. Hjh. Hatipah Binti Ibrahim serta enam orang anggota yang lain. Dalam memainkan peranan sebagai badan eksekutif dalam organisasi ini, IYRES telah mengadakan beberapa aktiviti bersama Lembaga Pengarah sepanjang tahun 2013 iaitu seperti berikut:

Nine members were appointed to the Board of Directors of IYRES by the Minister of Youth and Sports, Mr Khairy Jamaluddin, in 2013. The Chairman is Haji Adnan Abu Hassan and the Secretary is Dr. Wasitah Haji Mohd. Yusof, who is also the Chief Executive Officer of IYRES. In accordance with the requirements of Act 668, one of the members must be the Director-General of a State Youth and Sports Department, i.e., Mrs Hajah Hatipah Binti Ibrahim, together with six other members. As the executive body of the organisation, the board carried out the following activities in 2013:

BIL NO.	PERKARA ITEM	TEMPAT VENUE	TARIKH DATE
1.	Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-20 Bil. 1/2013	Bilik Mesyuarat Aras 10, IYRES	22 Mac 2013
1.	<i>20th meeting of the Board of Directors No. 1/2013</i>	<i>IYRES Meeting Room Level 10</i>	<i>22 March 2013</i>
2.	Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-21 Bil. 2/2013	Bilik Mesyuarat Aras 10, IYRES	22 Mei 2013
2.	<i>21st meeting of the Board of Directors No. 2/2013</i>	<i>IYRES Meeting Room Level 10</i>	<i>22 May 2013</i>
3.	Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-22 Bil. 3/2013	Bilik Mesyuarat Aras 10, IYRES	18 Disember 2013
3.	<i>22nd meeting of the Board of Directors No. 3/2013</i>	<i>IYRES Meeting Room Level 10</i>	<i>18 December 2013</i>
4.	Perjumpaan Bersama YB Menteri Belia dan Sukan : En. Khairy Jamaluddin	Bilik Mesyuarat Aras 10, IYRES	04 November 2013
4.	<i>Meeting with the Minister of Youth and Sports: Mr Khairy Jamaluddin</i>	<i>IYRES Meeting Room Level 10</i>	<i>04 November 2013</i>

Pasukan Think Tank

Think Tank Team

Sebagai langkah pemantapan penyelidikan dan juga fungsi organisasi dalam pembangunan belia di Malaysia, IYRES telah menubuhkan pasukan pemikir atau lebih dikenali sebagai pasukan *Think Tank*. Pasukan *Think Tank* yang telah dilantik merupakan pakar dalam bidang tersendiri, yang mana menganggotai jawatankuasa pemandu kepada IYRES. Sebagai individu yang pakar, pasukan *Think Tank* menjadi penasihat serta rujukan kepada bidang-bidang pembangunan belia yang dikenal pasti oleh Institut mengikut enam kluster. Antara kluster tersebut ialah Kluster Agama dan Hubungan Etnik, Kluster Psikologi dan Kesejahteraan, Kluster Pembangunan Sumber Belia, Pendidikan dan Alam Sekitar, Kluster Politik Dan Hal Ehwal Antarabangsa, Kluster Kepenggunaan Industri Sukan Dan Kesejahteraan Ekonomi dan Kluster Teknologi Maklumat Dan Komunikasi. Di samping itu, ahli *Think Tank* juga berperanan sebagai perantara di institusi yang diwakili bagi program dan aktiviti penyelidikan yang bekerjasama dengan IYRES.

In order to strengthen research and organisational functions for development of the youth in Malaysia, IYRES has set up a team of thinkers, more popularly known as the Think Tank. The Think Tank comprises experts in their respective fields, and sit on the steering committee of IYRES. As skilled individuals, the team acts as advisor and a point of reference to various youth development areas identified by the institute according to six clusters. These clusters are the Religious and Ethnic Relations Cluster, Psychology and Wellness Cluster, Youth, Educational and Environmental Resource Development Cluster, Political and International Affairs Cluster, Sports Industry Consumerism and Economic Wellness Cluster and Information and Communications Technology Cluster. In addition, members of the Think Tank also act as intermediaries for the institution they represent for programmes and research activities conducted in cooperation with IYRES.



Kluster Agama dan Hubungan Etnik

Religious And Ethnic Relations Cluster



DR. SARJIT S. GILL (UPM)

Bachelor (Universiti Kebangsaan Malaysia)
Master (Universiti Kebangsaan Malaysia)
Phd (Universiti Kebangsaan Malaysia)



PROF. MADYA DR. FAZILAH IDRIS (UKM)

BA (Linguistics) (Iowa), MA (TESL)
Northern Iowa, Phd UPM



DR. AHMAD TARMIZI TALIB (UPM)

BA (Universiti Al-Azhar Kaherah, Mesir)
MA (UKM), Phd
(University of Wales Lampeter, UK)



**PROF. MADYA DR. RAZALEIGH
MUHAMAT @ KAWANGIT**

Sm.P.I.(Kep.)(Malaya),
S.P.I. (Universiti Kebangsaan Malaysia),
Ph.D (Wales)



PROF. MADYA DR. JULI A/L EDO (UM)

BA (Hons) (Universiti Kebangsaan Malaysia)
MPHIL (Universiti Kebangsaan Malaysia), Phd
(Australian National University)



DR. CHE AMNAH BAHARI

Bachelor Economic (International Islamic Universiti
Malaysia)
MA. IRK (IIUM), Phd (ISTAC), DIP. HUMAN SCIENCE
(International Islamic Universiti Malaysia)

Kluster Psikologi & Kesejahteraan

Psychology And Wellness Cluster



**PROF. MADYA DR. SAMSI LAH
ROSLAN (UPM)**

BA (HONS) Islamic Law (Universiti
Al-Azhar, Cairo) Licensing Academy,
School Of Law
(California Davis University)
Phd (Education Psychology) (Universiti
Putera Malaysia) Dip. Of Education
(International Islamic Universiti
Malaysia)



PUAN ZAINAH SHARIFF (KBS)

Bachelor (Universiti Putra Malaysia)
Master (Universiti Putra Malaysia)
Phd. (Victoria University Melbourne,
Australia)



**PROF. DR. KHAIDZIR HAJI ISMAIL
(UKM)**

BSc (Southern Illinois University,
Carbondale, Illinois USA) MSc (Southern
Illinois University, Carbondale, Illinois
USA)
Phd (Leeds University, United Kingdom)



**DR. NADHRATUL WARDAH
SALMAN (UM)**

LLB (HONS), (Universiti Islam
Antarabangsa) UIM M.Res (Leeds
Metropolitan University)
LLM (University of Malaya) UM
Phd (Manchester Metropolitan
University)



DR. HASLINDA ABDULLAH (UPM)
Diploma (MARA Institute of Technology) B. Human Sc. (Hons) Psychology (International Islamic University Malaysia) M.Art (National University Malaysia)
PhD (Institute of Work, Health & Organisations University of Nottingham)



DR. HAJAH MASTURA JOHAR (UNITEN)
M. Ed (University Putra Malaysia) UPM
BBA (Hons) (University Putra Malaysia)
Diploma Canadian Health, Physical Education & Recreation Association Korea Asian Gymnastic Union.
Phd (University Putra Malaysia) UPM



DR. FATAN HAMAMAH YAHAYA (USM)
B.A. (Universiti Kebangsaan Malaysia)
M.Soc.Sc. (Universiti Sains Malaysia)
Phd (Universiti Kebangsaan Malaysia)



DR. NIK RUBIAH BT NIK ABDUL RASHID
MD (Universiti Kebangsaan Malaysia) UKM
MPH (Universiti Kebangsaan Malaysia) UKM
MCGP (College of General Practitioner Malaysia) FRACGP (The Royal Australian College of General Practitioners UK)

Kluster Pembangunan Sumber Belia Pendidikan dan Alam Sekitar Youth, Educational And Environmental Resource Development Cluster



PROF. DR. TURIMAN SUANDI (UPM)
Dip. Animal Health and Prod. (UPM)
B.S. (Florida), M.S.,
Ph.D. (Ohio State)



DR. TENGKU HANIDZA TENGKU ISMAIL (UPM)
Dip. (Institut Teknologi Mara)
BA (Southern Illinois University)
MS (University of Kansas Medical Center)



PROF. DR. AZIMI HAMZAH (UPM)
Dip. (Universiti Putra Malaysia)
Bachelor (Louisiana State University, Baton Rouge USA) Postgraduate Dip. (University of Cairo) Master (Louisiana State University, Baton Rouge USA)
Phd. (North Carolina State University, USA)



SDR. LEE KWAN MENG (IYC)
Master (University Putra Malaysia)
M.B.A (Asia-Pacific International Institute, New Zealand) Diploma (Asia-Pacific International University (APIU), New Zealand)
Diploma (International Orienteering Federation)



DR. ISMI ARIF ISMAIL (UPM)
B. Ed. (TESL) (Hons) Universiti Kebangsaan Malaysia M.S (Universiti Putra Malaysia)
Phd. (University of Warwick, UK)



PROF. MADYA DR. AZIZAN BAHARI (UNIMAP)
Dip. (INTAN); BA (University of Wisconsin-Madison, USA) MA (University of Warwick, UK)
Phd. (University of Warwick, UK)



DR. MOHD GHANI MOHD YUSOF (KBS)

Kluster Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Cluster of Information Technology and Communications



DR. HAMISAH HASAN (UKM)
Diploma (ABIM)
B.A. (Universiti Kebangsaan Malaysia)
M.S. (Universiti Putra Malaysia)
Ph.D (Universiti Kebangsaan Malaysia)



PROF. DR. EZHAR TAMAM (UPM)
Master (Michigan State University)
Phd (University of Oklahoma)



PROF. MADYA DR. MUHAMMAD NUBLI ABDUL WAHAB (UMP)
B. Syariah (Hons) (Universiti Malaya)
M.Sc (Universiti Putra Malaysia)
PhD (Universiti Putra Malaysia)



DR. RAZALI HASSAN (UTHM)
Sarjana Muda (Universiti Teknologi Malaysia)
Sarjana (Universiti Putera Malaysia)
Phd (University of Warwick, UK)




DR. SITI ZOBAIDAH OMAR (UPM)
Bachelor (Universiti Teknologi Mara)
Master (Universiti Macquaries, Sydney Australia)
Phd (University of Birmingham)

Kluster Kepenggunaan Industri & Kesejahteraan Ekonomi

Cluster of Consumer and Industry Economic Well-Being



DR. SIVAPALAN SELVADURAI (UKM)
Dip. (Universiti Teknologi Malaysia)
BA (Louisiana), MA (Ohio State)
Phd (Sheffield)



**EN. AHMAD HANIF JAMALUDDIN
(BANK NEGARA)**



DR. VINCENT PARNABAS (UiTM)
PhD (Universiti Kebangsaan Malaysia)
Sarjana Sains (Sport Psychology), (Universiti Putra Malaysia), Sarjana (Universitas Gadjah MADA, Yogyakarta, Indonesia)



PROF. DR. SOFIAN OMAR FAUZEE (UUM)
B.Sc (Hons) (Eastern New Mexico University)
M.Sc (Eastern New Mexico University, USA)
Post Graduate (Leeds Metropolitan University, UK)
Phd (Leeds Metropolitan University, UK)



DR. AISHAH KASA (UPEB)



NOR AKMAL IBOS (MBM)

Kluster Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa

Political And International Affairs Cluster



**PROF. MADYA DR. SHAHARUDDIN
BADARUDDIN (UITM)**

Ba (Hons.) (Universiti Malaya)
MA (Roosevelt University, Chicago, U.S.A)
Phd (Universiti Malaya)



**PROF. MADYA DR. SIVAMURUGAN PANDIAN
(USM)**

B.A (University Malaya)
M.A (Aoyama Gakuin Universiti, Japan)
Phd (University Malaya)



DR. JANICE NGA LAY HUI (UMS)

BA (Hons) (Universiti Kebangsaan Malaysia)
Master National University of Malaysia (UKM)
M.A. EAS (University of Leeds, UK)
PhD (University of Leeds, UK)



**PROF. MADYA DR. SHAKILA PARWEEN YACOB
(INPUMA)**

Phd. (University of Reading, United Kingdom)
Master (Western Michigan University, Kalamazoo)
BA (Hons) (Universiti Malaya)



PROF. MADYA DR. FUAD MAT JALI (UKM)

MSA (Universiti Kebangsaan Malaysia)
M.SC (Landon)
D.Phil (Sussex)

Aktiviti Pasukan Think Tank

Think Tank Team Activities

Berperanan sebagai pasukan intelektual IYRES, pasukan *Think Tank* juga tidak ketinggalan menyumbang idea dan panduan kepada aktiviti penyelidikan dan penerbitan yang telah dilaksanakan pada tahun 2013. Malah pasukan ini juga tidak ketinggalan menjayakan wacana intelek menerusi program intelektual yang telah dianjurkan seperti Forum dan Persidangan Meja Bulat. Jalinan hubungan IYRES bersama pakar rujuk ini juga diatur secara holistik menerusi beberapa mesyuarat yang telah diadakan. Antaranya adalah seperti berikut:

Apart from being the intellectual team for IYRES, the Think Tank also contributed ideas and guidance for research activities and publications produced in 2013. The team was also instrumental in the success of intellectual discourses via intellectual programmes that were organised, such as forums and roundtable conferences. The relationship between IYRES and the experts has been developed in a holistic manner through the following series of meetings:

BIL NO.	PERKARA ITEM	TARIKH DATE	TEMPAT VENUE
1.	Mesyuarat Penyelarasan Jawatankuasa Pemandu <i>Think Tank</i> Bil. 1/2013	29 Januari 2013 (Selasa)	Bilik Mesyuarat Aras 10, IYRES.
1.	<i>Coordination Meeting of the Committee No. Think Tank. 1/2013</i>	29 January 2013 (Tuesday)	Meeting Room Level 10, IYRES
2.	Bengkel Pemurnian Pelan Strategik IPPBM I	22 Januari 2013	Royal Bintang Hotel, Seremban.
2.	<i>Purification Workshop Strategic Plan IPPBM I</i>	22 January 2013	Royal Bintang Hotel, Seremban.
3.	Bengkel Pemurnian Pelan Strategik IPPBM II	16 – 17 Februari 2013	Port Dickson, Negeri Sembilan.
3.	<i>Purification Workshop Strategic Plan IPPBM II</i>	16-17 February 2013	Port Dickson, Negeri Sembilan.
4.	Mesyuarat Penyelarasan Jawatankuasa Pemandu <i>Think Tank</i> Bil. 2/2013	27 Ogos 2013 (Selasa)	Bilik Mesyuarat Aras 10, IYRES
4.	<i>Coordination Meeting of the Committee No. Think Tank. 2/2013</i>	27 August 2013 (Tuesday)	Meeting Room Level 10, IYRES

Pengurusan Tertinggi

Top Management



DR. WASITAH BINTI HJ MOHD YUSOF

Ketua Pegawai Eksekutif
Chief Executive Officer



HAJI ZAKARIAH BIN MD. SAM

Ketua Pegawai Operasi
Chief Operating Officer

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

Planning and Research Division

1

ZULFADHLI BIN ABD AZIZ
Eksekutif Penyelidik Kanan I
Senior Research Executive I

2

SHAHHANIM BINTI YAHYA
Eksekutif Penyelidik I
Research Executive I

3

SHARIFFAH BINTI MAMAT
Eksekutif Penyelidik III
Research Executive III

4

MASTURA BINTI MOHAMAD
Eksekutif Penyelidik II
Research Executive II

5

MOHD RIZAL BIN MOHD SHAM
Eksekutif Penyelidik IV
Research Executive IV

6

NURUL HIDAYAT BIN ISMAIL
Pembantu Penyelidik
Research Assistant

7

NORATI'QAH BINTI TALIB
Pembantu Penyelidik
Research Assistant

Tiada dalam gambar

NABILA BINTI MAT ISA
Pembantu Penyelidik
Research Assistant

MOHD FARHAN HAZWAN BIN ISMAIL
Pembantu Penyelidik
Research Assistant

1

3

4

2

5

6

7



Unit Data Profil Belia Dan Penerbitan

Youth Profile Data And Publication Unit

1

2

1

NADYA SHAFFINAZ BAJURI

Pegawai Penerbitan
Publications Officer

2

NOOR SHEILA BINTI MHD NASIR

Penolong Pegawai Penerbitan
Assistant Publications Officer

3

4

3

SHAH ROMNIZAM BIN RAMLI

Pegawai Perangkaan
Statistical Officer

4

NURITA FARIZA BINTI RAHIM

Pembantu Perangkaan
Statistical Assistant

Tiada dalam gambar

NOOR 'AYU BINTI SHARIF

Pembantu Tadbir (P/O)
Administrative Assistant (P/O)

Cawangan Perancangan Program Dan Komunikasi Korporat

Programme Planning And Corporate Communication Branch

1

MOHD SAIFUL NIZAM BIN MOHD ZAHRI

Pegawai Program
Programme Officer

3

SURAYA SULAIMAN

Eksekutif Penyelidik Kanan II
Senior Research Executive II

Tiada dalam gambar

2

MUHAMMAD ARIFF BIN MAT JUSOH

Penolong Pegawai Komunikasi Korporat
Assistant Corporate Communications Officer

VIDYA YAZMIN BINTI MUHAMMAD YAHYA

Pegawai Komunikasi Korporat & Pemasaran



Bahagian Khidmat Pengurusan

Management Services Division

Unit Pengurusan Maklumat

Information Management Unit

1

NOOR AFIFAH BINTI JOHARI

Pegawai Teknologi Maklumat
Information Technology Officer

2

HASDURA BINTI ABD HAMID

Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Assistant Information Technology Officer

3

MOHD RIDZUAN BIN MOHD ROHANI

Juruteknik Komputer
Computer Technician



Unit Pentadbiran Dan Sumber Manusia

Administration and Human Resource Unit

1 **WAN NOR ZAIDAH BINTI WAN ZAIN**
Pembantu Tadbir (P/O)
Administrative Assistant (Clerical Operations)

2 **NUURUL MIZAN BINTI YA'COB**
Pegawai Tadbir
Administrative Officer

3 **RAJA SHAHIDA BINTI RAJA HASSAN**
Penolong Pegawai Tadbir
Assistant Administrative Officer

4 **ARIFFIN BIN ABD RAHMAN**
Pembantu Am Pejabat
General Office Assistant

5 **MUHAMMAD MUSLIM BIN ZAKARIA**
Pembantu Am Pejabat
General Office Assistant

6 **MOHD NOORSHAM BIN CHE' MAT**
Pemandu
Driver



Unit Kewangan Dan Perolehan

Finance and Procurement Unit

1 **MOHD FARIUS BIN BUJANG**
Penolong Akauntan
Assistant Accountant

2 **SITI AISYAH BINTI MOHD RAWI**
Pembantu Tadbir (Kewangan)
Administrative Assistant (Finance)

3 **SARTINA BINTI SAFIAN**
Pembantu Tadbir (Kewangan)
Administrative Assistant (Finance)



Fungsi Pengurusan IYRES

Purpose of IYRES Management

ISO 9001:2008.

IYRES telah menerima penarafan MS ISO 9001:2008 berkenaan dengan Sistem Pengurusan Kualiti pada tarikh 25 Mei 2012 sehingga 24 Mei 2015 dengan nombor pensijilan MY-AR 5653 yang merangkumi:

- i. Penyelidikan Dalam Bidang Pembangunan Belia.
- ii. Bantuan dan Sokongan Penyelidikan.
- iii. Penyebaran Maklumat dan Pendidikan

Sepanjang tahun 2013, IYRES telah melaksanakan setiap tugas dalam semua bidang yang berkaitan dengan berpandukan kepada 27 prosedur dokumen termasuk 6 prosedur wajib yang telah dihantar untuk permohonan ISO. Berikut merupakan pelaksanaan aktiviti oleh IYRES dalam mengekalkan kualiti kerja berdasarkan ISO tersebut :

ISO 9001:2008.

IYRES received the MS ISO 9001:2008 Quality Management System rating from 25 May 2012 until 24 May 2015 with the certification number MY-AR 5653 which encompasses:

- i. Research in youth development
- ii. Research assistance and support
- iii. Information dissemination and education

Throughout 2013, IYRES undertook each task in all related fields based on 27 procedures including six mandatory procedures that were submitted with the application for ISO. The following are the activities implemented by IYRES in maintaining the quality of work based on the ISO:

Tarikh Date	PERKARA ITEM
12 – 13 Mac 2013	- IYRES telah menjalankan Audit Kualiti Dalaman bagi pengurusan kualiti MS 9001:2008. - Pelaksanaan Audit Kualiti Dalaman ini sebagai menepati keperluan pematuhan penarafan Audit Kualiti Dalaman oleh pihak SIRIM.
12 – 13 March 2013	- <i>IYRES carried out an internal quality audit for MS 9001:2008 quality management.</i> - <i>The internal quality audit was conducted to comply with SIRIM's Internal Quality Audit requirements.</i>
18 Mac 2013	- Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan diadakan. - Platform melaporkan hasil Audit Kualiti Dalaman serta penambahbaikan berterusan bagi pelaksanaan kualiti di IYRES.
18 March 2013	- <i>A Management Review Meeting was held</i> - <i>Platform to report internal quality audit findings and for continuous improvement of quality in IYRES</i>

Pelan Strategik IPPBM 2013 – 2015.

Pada tahun 2013, IYRES telah berjaya menghasilkan Pelan Strategik IPPBM 2013 – 2015 sebagai wadah hala tuju yang memperjelaskan iltizam IYRES sebagai sebuah institut penyelidikan belia dan sumber rujukan utama dalam pembangunan belia. IYRES telah menggariskan 3 hala tuju pelan strategik tersebut iaitu sebagai sebuah badan rujukan unggul berasaskan penyelidikan dan pangkalan data belia yang utama; menjadi sebuah agensi yang berupaya untuk menjana pendapatan sendiri dan memperluaskan skop perkhidmatan dan kapasiti IYRES melalui pengembangan serta memantapkan penyampaian sumber manusia. Hala tuju tersebut telah dibina berdasarkan kepada 5 objektif strategik sebagai panduan bagi memastikan IYRES dapat melaksanakan fungsi secara cekap dan berkesan iaitu :

- Objektif Strategik Pertama :
Memantapkan Pengendalian Penyelidikan Pembangunan Belia.
- Objektif Strategik Kedua :
Menjadikan IYRES sebagai Pusat Rujukan Utama Pembangunan Belia.
- Objektif Strategik Ketiga :
Membangunkan Sistem Sokongan Penyelidikan Pembangunan Belia.
- Objektif Strategik Keempat :
Meningkatkan Sumber Pembiayaan Penyelidikan Pembangunan Belia.
- Objektif Strategik Kelima :
Memantapkan Kapasiti Organisasi untuk Meningkatkan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan IYRES.

Berikut merupakan kronologi penghasilan dokumen pelan strategik tersebut :

IYRES 2013-2015 Strategic Plan

In 2013, IYRES successfully produced its 2013-2015 Strategic Plan as a roadmap to clarify its commitment as a youth research institute and a main source of reference for development of the youth. IYRES has outlined three directions in the strategic plan, i.e., to be an outstanding reference body based on research and primary database on the youth; to become an agency capable of generating its own income and to widen the scope of its services and capacity through the expansion and strengthening of its delivery of human resources. This direction is premised on the following five strategic objectives as a guide to ensure IYRES can function efficiently and effectively:

- First strategic objective :
To strengthen the conduct of youth development research
- Second strategic objective :
To make IYRES the main reference centre for youth development
- Third strategic objective :
To develop a research support system for youth development
- Fourth strategic objective :
To increase the sources of financing for youth development research
- Fifth strategic objective :
To strengthen the capacity of the organisation to enhance the quality of service delivery

The following is the chronology of the development of the Strategic Plan:

Kronologi Pembentukan Buku Pelan Strategik IPPBM 2013 – 2015.
Chronology of Formulation of the IYRES 2013 – 2015 Strategic Plan

Tarikh Date	PERKARA ITEM
10 Ogos 2012	Perbincangan awal pembentukan bengkel Pelan Strategik IYRES bersama <i>Think Tank</i> IYRES di PICC, Putrajaya.
<i>10 August 2012</i>	<i>Initial discussion on formulation of IYRES Strategic Plan with Think Tank in PICC, Putrajaya.</i>
13 Ogos 2012	Pembentukan Kertas Konsep pelaksanaan
<i>13 August 2012</i>	<i>Formulation of concept paper for implementation</i>
22-23 Oktober 2012	Mengadakan bengkel Pelan Strategik IYRES melibatkan 30 orang peserta di Mines Wellness Hotel, Seri Kembangan.
<i>22-23 October 2012</i>	<i>Workshop on IYRES Strategic Plan involving 30 participants at the Mines Wellness Hotel, Seri Kembangan.</i>
20 – 22 Januari 2013	Bengkel Penghalusan I Pelan Strategik IYRES di Hotel Royal Bintang, Seremban.
<i>22-23 October 2012</i>	<i>First workshop for refining IYRES Strategic Plan at the Royal Bintang Hotel, Seremban.</i>
16-17 Februari 2013	Bengkel Penghalusan II Pelan Strategik IYRES di Admiral Cove Port Dickson.
<i>16 - 17 February 2013</i>	<i>Second workshop for refining IYRES Strategic Plan at the Admiral Cove, Port Dickson.</i>
4 Mac 2013	Membentangkan draf Pelan Strategik IYRES 2013-2015 kepada pihak Pengurusan Tertinggi KBS.
<i>4 March 2013</i>	<i>Presentation of draft IYRES 2013-2015 Strategic Plan to the top management of the Ministry of Youth and Sports</i>
21 Mac 2013	Membentangkan draf Pelan Strategik IYRES kepada Ahli Lembaga Pengarah IYRES semasa Mesyuarat ALP kali ke 20 bil 1 2013, di Bilik Mesyuarat IYRES Aras 10.
<i>21 March 2013</i>	<i>Presentation of draft IYRES Strategic Plan to IYRES Board of Directors at the 20th Board of Directors Meeting No. 1/2013 at the IYRES Meeting Room, Level 10</i>
April 2013	Membuat penambahbaikan dan penghalusan semula selepas mendapat pandangan input daripada pihak Pengurusan KBS dan Ahli lembaga Pengarah IYRES.
<i>April 2013</i>	<i>Improvement and refinement after receipt of input from the management of the ministry and IYRES Board of Directors</i>
Mei 2013 sehingga September 2013	Membuat draf reka bentuk dan penulisan untuk dijadikan buku Pelan Strategik IYRES 2013 – 2015.
<i>May to September 2013</i>	<i>Draft of the design and write-up of the IYRES 2013 – 2015 Strategic Plan</i>
Oktober 2013	Buku Pelan Strategik IYRES 2013 – 2015 telah diterbitkan.
<i>October 2013</i>	<i>Publication of the IYRES 2013 – 2015 Strategic Plan</i>

PENYELIDIKAN
Research

Penyelidikan IYRES

IYRES Research

Tahun 2013 telah memberi transformasi kepada teras fungsi di IYRES iaitu penyelidikan dalam usaha menyokong agenda pembangunan belia iaitu dengan wujudnya Piagam Integriti Penyelidikan IYRES. Malah kategori penyelidikan juga telah diubah berdasarkan kepada perancangan intelektual hasil dari Pelan Strategik IYRES 2013 – 2015. Kategori kajian tersebut adalah seperti Penyelidikan Asas Gunaan (*Fundamental Research*), Penyelidikan Penilaian dan Tindakan (*Applied and Action Research*) dan Penyelidikan Tinjauan (*Exploratory Research*). Usaha berterusan IYRES dalam penyelidikan bidang pembangunan belia yang telah dilaksanakan memudahkan pelbagai pihak pemegang taruh untuk membuat rujukan dalam merancang, merangka dan melaksanakan pembentukan dasar, polisi serta aktiviti pembangunan belia secara komprehensif dan holistik di seluruh negara. Bagi keseluruhan tahun 2013 IYRES telah melaksanakan sebanyak 25 kajian yang merangkumi ketiga-tiga kategori tersebut iaitu seperti yang berikut :

The year 2013 saw the transformation of the core function of IYRES - research to support the youth development agenda with the creation of IYRES Research Integrity Charter. Even, research was re-categorised based on the results of the intellectual planning of the IYRES 2013-2015 Strategic Plan. The current research categories are fundamental research, applied and action research, and exploratory research. Continuous efforts in research in youth development has facilitated the reference by stakeholders when designing, developing and implementing policies as well as youth development activities in a comprehensive and holistic manner in the country. For the whole of 2013, IYRES conducted 25 studies encompassing the following three categories:

BIL NO.	NAMA PENYELIDIKAN TITLE OF RESEARCH	CATATAN NOTES
PENYELIDIKAN ASAS GUNAAN (FUNDAMENTAL RESEARCH)		
1.	Kajian Analisa Keperluan Hidup Belia Malaysia Fasa I (Ogos – Disember)	Memberikan input kepada pihak EPU bagi merangka RMK11 daripada platform generasi muda. Penilaian kualitatif (Fasa II) akan dilaksanakan pada tahun 2014.
1.	<i>Needs Analysis of Malaysian Youth, Phase I (August – December)</i>	<i>Provided input to the Economic Planning Unit as a framework for the 11th Malaysia Plan based on the views of the younger generation. Qualitative assessment (Phase II) will be undertaken in 2014.</i>
2.	Statistik Belia Malaysia: Data Semasa (Januari – September)	- Menghasilkan dokumen statistik mengikut <i>real time</i>. - Dokumen data yang sangat menarik dan mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pengguna yang berkaitan dalam usaha pembangunan belia.
